



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**JAWATAN KOSONG**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:-

1. Akauntan Gred W41
2. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41
3. Penolong Akauntan Gred W27
4. Penjaga Jentera Elektrik Gred R17
5. Pembantu Ehwat Ekonomi Gred E17
6. Pemandu Kenderaan Gred R3
7. Pekerja Awam Gred R1
8. Pembantu Am Pejabat Gred N1

---

**1. Jawatan : Akauntan Gred W41**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 1702.81 – P1T27 : RM 4688.95  
P2T1 : RM 1798.82 – P2T27 : RM 4968.61  
P3T1 : RM 1899.01 – P3T27 : RM 5255.39

Kelayakan : (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T8);  
atau  
(ii) Ahli penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T8);  
atau  
(iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T9);  
atau  
(iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1T10);  
dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**2. Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 1899.01 – P1T25 : RM 4715.47  
P2T1 : RM 1995.02 – P2T25 : RM 4988.08  
P3T1 : RM 2095.21 – P3T25 : RM 5284.57

- Kelayakan : (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T1);  
  
atau  
  
(ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T3);  
  
atau  
  
(iii) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T6);  
  
atau  
  
(iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T9);  
  
dan  
  
(b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**3. Jawatan : Penolong Akauntan Gred W27**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 1209.09 – P1T26 : RM 3031.64  
P2T1 : RM 1278.67 – P2T26 : RM 3217.79  
P3T1 : RM 1351.27 – P3T26 : RM 3409.80

Kelayakan : (a) (i) Diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T5);  
  
atau  
  
(ii) *Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T8);  
  
dan  
  
(b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**4. Jawatan : Penjaga Jentera Elektrik Gred R17**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 1166.74 – P1T15 : RM 1981.96  
P2T1 : RM 1218.17 – P2T15 : RM 2083.39  
P3T1 : RM 1271.11 – P3T15 : RM 2189.21

Kelayakan : (a) (i) Tamat tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan;  
  
(ii) Sekurang-kurangnya mempunyai sijil AO (Sistem Pemasangan Kilang-kilang) yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
  
dan  
  
(b) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**5. Jawatan : Pembantu Ehwat Ekonomi Gred E17**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 821.89 – P1T24 : RM 2152.86  
P2T1 : RM 873.32 – P2T24 : RM 2274.01  
P3T1 : RM 926.26 – P3T24 : RM 2399.46

- Kelayakan : (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
atau  
(ii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E17 : P1T8);  
dan  
(b) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia.

**6. Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred R3**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 701.42 – P1T17 : RM 1354.86  
P2T1 : RM 743.89 – P2T17 : RM 1423.41  
P3T1 : RM 787.99 – P3T17 : RM 1493.59

- Kelayakan : (a) (i) Tamat darjah enam (6) sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;  
(ii) Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];  
(iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3:

- Lesen D P1T3
- Lesen E/E1/E2 P1T4
- Lesen F/H P1T5
- Lesen G/I P1T6

dan

- (b) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**7. Jawatan : Pekerja Awam Gred R1**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 647.51 – P1T14 : RM 1178.43  
P2T1 : RM 689.98 – P2T14 : RM 1242.09  
P3T1 : RM 734.08 – P3T14 : RM 1307.38

Kelayakan : (a) (i) Tamat darjah enam (6) sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;  
dan  
(ii) Berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1 : P1T3);  
dan  
(b) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**8. Jawatan : Pembantu Am Pejabat Gred N1**

Jadual Gaji : P1T1 : RM 649.15 – P1T22 : RM 1506.79  
P2T1 : RM 691.62 – P2T22 : RM 1583.49  
P3T1 : RM 735.72 – P3T22 : RM 1661.82

Kelayakan : (a) (i) Berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
dan  
(ii) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : P1T2).

**UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN :**

- (a) Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (b) Pegawai sedang berkhidmat yang layak di bawah Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam borang FAMA 1-08p atau secara [online](#) melalui laman web FAMA
- (b) Bagi permohonan secara manual hendaklah disertakan dengan salinan Ijazah/Diploma, Sijil-sijil Persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang telah disahkan dan lain-lain kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi terakhir.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

## **SYARAT-SYARAT UMUM :**

- (a) Taraf Jawatan : TETAP
- (b) Tempoh percubaan : 1 – 3 Tahun
- (c) Peperiksaan/Kursus Induksi : Calon-calon dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan oleh Lembaga serta lulus Peperiksaan Perkhidmatan

## **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP :**

Permohonan hendaklah sampai kepada :

KETUA PENGARAH,  
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA),  
BANGUNAN FAMA POINT,  
LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG,  
68100 BATU CAVES, SELANGOR.  
(u.p : Cawangan Perjawatan)

Sebelum atau pada : **22 Mac 2010**

## **CATATAN AM :**

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Sila gunakan satu (1) borang untuk dua atau lebih jawatan yang dipohon.

4. Sila sediakan sampul surat bersaiz 15cm x 7cm beralamat sendiri berserta setem 30 sen.